

09 FEB 2001

IPF-Undi

PERWAKILAN IPF MENGUNDI PADA AHAD TENTUKAN MASA DEPAN PANDITHAN

Oleh: E. Sivabalan

KUALA LUMPUR, 9 Feb (Bernama) -- Para perwakilan ke perhimpunan agung kesembilan Barisan Kemajuan India seMalaysia (IPF) Ahad ini akan menentukan nasib "Thalaivan" (pemimpin) dan juga "Khatchi" (parti) mereka yang berusia sedekad itu.

Sebanyak 2,950 perwakilan akan mengundi untuk menentukan sama ada untuk terus kekal dalam parti, menyertai MIC atau bergabung dengan Parti Kemajuan Rakyat Malaysia (PPP).

"Keputusan yang akan dibuat memang sukar terutama apabila perdana menteri dan timbalan perdana menteri menggesa anggota IPF supaya menerima tawaran MIC," kata seorang pemimpin IPF.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad juga dalam kata-kata aluan dalam buku cenderamata sempena perhimpunan agung itu berkata dalam senario politik sekarang yang mencabar, amatlah penting bagi semua lapisan masyarakat untuk terus berusaha mengekalkan perpaduan dan mengeratkan kerjasama antara satu sama lain dalam memajukan negara.

"Kita harus sedar negara yang stabil sahaja yang dapat menjamin keamanan dan kemakmuran rakyat semua kaum dan negaraku," kata Dr Mahathir.

Jika kenyataan Dr Mahathir adalah berupa petanda bagi perwakilan supaya menerima tawaran MIC, maka ia lebih sukar bagi mereka untuk membuat keputusan.

Tidak cukup dengan mesej daripada perdana menteri, perhimpunan sehari itu akan dirasmikan oleh Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang dijangka menekankan tentang pentingnya masyarakat India bersatu bagi menghadapi cabaran pada tahun-tahun akan datang.

Walaupun IPF telah mengundang para pemimpin MIC untuk menghadiri perhimpunan agungnya, tidak diketahui sama ada MIC akan diwakili oleh mana-mana pemegang jawatannya dalam parti.

Presiden MIC Datuk Seri S.Samy Vellu membuat "tawaran secara gentleman" kepada pemimpin IPF, Datuk M.G.Pandithan, bekas naib presiden MIC, dan anggota-anggota parti itu supaya menyertai MIC dalam usaha menyatukan masyarakat India.

Pandithan, yang masih merasai kepahitan terhadap keputusan MIC menyingkirkannya pada 1988 kerana dikatakan melanggar disiplin parti berkata "Ia bukan keputusan saya tetapi keputusan anggota-anggota parti," kata beliau baru-baru ini.

Ketika Pandithan menjelaskan bahawa beliau tidak akan membuat keputusan bagi anggota-anggotanya, perkembangan terbaru berlaku, cuma tiga hari sebelum perhimpunan agung IPF.

Presiden PPP Datuk M.Kayveas mengumumkan bahawa pintu partinya sudah tertutup bagi Pandithan tetapi anggota-anggota IPF bagaimanapun boleh menyertai PPP.

Tetapi kenyataan Kayveas itu yang dibuat secara tiba-tiba, kemungkinan tidak akan mengubah keputusan Jawatankuasa Kerja Pusat IPF (CWC) yang akan meletakkan PPP sebagai satu daripada tiga opsi dalam kertas undi.

Satu sumber IPF memberitahu Bernama bahawa wujud perasaan berbelah-bagi dengan sesetengah menggesa kepimpinan IPF menerima tawaran MIC itu.

Para penyokong kuat Pandithan mendakwa bahawa jika perwakilan mengundi menerima tawaran MIC, Pandithan akan kecundang.

Walaupun Samy Vellu membayangkan bahawa beliau akan melantik Pandithan dalam Jawatankuasa Kerja Pusat, lantaran itu mewujudkan platform bagi

Pandithan untuk berebut jawatan tertinggi dalam MIC, penyokong Pandithan berkata mereka tidak yakin.

Mereka berpendapat bahawa walaupun Samy Vellu ikhlas dalam tawarannya, ada pihak dalam MIC yang mungkin mahu "mensabotaj" Pandithan jika beliau menyertai semula MIC.

Kemasukan semula Pandithan ke dalam MIC mungkin menimbulkan keresahan di kalangan sesetengah pemimpin MIC yang khuatir Pandithan akan menggumpulkan semula bekas penyokongnya dalam MIC dan mencabar kedudukan mereka pada masa depan.

Tetapi adalah tidak mungkin bagi Pandithan, 61, yang hampir mencapai ke kemuncak kerjaya politiknya, akan menimbulkan ancaman kepada apa yang dipanggil pemimpin masa depan dalam MIC.

Jika para perwakilan menerima tawaran MIC, IPF kemungkinan akan dibubarkan atau mungkin diambil alih oleh anggota-anggota yang tidak berpuas hati dan jika ini isu perpaduan masyarakat India tidak akan selesai.

Sama ada pilihan ialah IPF, MIC atau PPP, satu perkara yang pasti ialah perjuangan bagi mewujudkan perpaduan di kalangan masyarakat India masih melalui jalan yang jauh.

-- BERNAMA

ES ES FAZ